



PANDUAN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DAN PAPAN IKLAN



© Hakcipta Jabatan Pelesenan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Hakcipta Terpelihara

Dilarang mengeluarkan mana-mana bahagian artikel daripada kandungan buku ini dengan apa cara sekalipun, samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Diterbitkan oleh :

Jabatan Pelesenan,
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama,
Pandan Indah, Selangor
55100, Kuala Lumpur, Malaysia



KANDUNGAN

Muka Surat

Perulusan Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Ampang Jaya	ii
Promosi Panduan Permohonan Lesen Perniagaan dan Papan iklan	iii
Objektif Panduan Permohonan Lesen Perniagaan dan Papan iklan	iv
1. Bahagian 1: Objektif Buku Panduan, Kaedah Pengeluaran Lesen Perniagaan dan Papan Iklan, Kaedah Pemohonan Permit Sementara	6
Objektif Buku Panduan	7
Fungsi-fungsi Jabatan Pelesenan	8
2. Bahagian 2: Senarai Lesen Perniagaan Serta-Merta dan Empat Belas (14) Hari, Lesen Berisiko, Jenis-jenis Permohonan Permit Sementara	9
Senarai Lesen Perniagaan Serta-Merta dan	10-12
Senarai Lesen Perniagaan Kurang Berisiko (14 Hari)	13-15
Jenis-jenis Aktiviti Perniagaan Berisiko Tinggi	16
Jenis-jenis Permit Sementara	16
3. Bahagian 3: Carta Alir Pengeluaran Lesen Perniagaan dan Papan Iklan, Carta Kelulusan Permit Sementara	17
Carta Alir Proses Pengeluaran Lesen Perniagaan dan Papan Iklan Serta-Merta	18
Carta Alir Proses Pengeluaran Lesen Perniagaan Kurang Berisiko (14 Hari)	19
Carta Alir Proses Pengeluaran Perniagaan Berisiko Tinggi	20
Carta Alir Proses Kelulusan Permit Sementara Serta-merta	21
Carta Alir Proses Kelulusan Permit Sementara (14 Hari)	22
4. Bahagian 4: Panduan Permohonan	23
Panduan Mengisi Borang Permohonan Lesen Perniagaan dan Papan Iklan	24-26
Panduan Permohonan Permit-permit Sementara	27
Panduan Permohonan Pelbagai	28-29
5. Bahagian 5: Lampiran	30
FAQ	31-33
Lampiran A - Borang Permohonan Lesen Perniagaan dan Papan Iklan	
Lampiran B - Borang Permohonan Permit-permit Sementara	
Lampiran C - Borang Permohonan Pelbagai (Borang 1B)	

PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA



Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera

Buku Panduan Permohonan Lesen Perniagaan Dan Papan Iklan ini dikeluarkan bertujuan memberi penerangan mengenai garis panduan permohonan lesen perniagaan serta-merta, lesen kurang berisiko, lesen berisiko tinggi, permohonan permit sementara dan permohonan pelbagai yang mempunyai syarat-syarat khusus yang perlu disediakan oleh pengusaha-pengusaha perniagaan yang ingin membuka premis perniagaan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Buku ini dikeluarkan selaras dengan misi Majlis dengan Menyediakan Perkhidmatan Perbandaran Yang Cepak Dan Berkualiti Bagi Memastikan Warga Ampang Jaya Menikmati Kehidupan Yang Selesa Dan Sejahtera.

Pengurusan Tertinggi Majlis sentiasa memilih untuk menjadikan Ampang Jaya yang terunggul bagi memudahkan penduduk dan pengusaha-pengusaha perniagaan supaya dapat mengurus dan menjalankan urusan perniagaan dengan mudah mematuhi Undang-undang yang digunapakai.



OBJEKTIF PANDUAN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DAN PAPAN IKLAN

- Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya Selaras Dengan Misi Untuk Menyediakan Perbandaran Yang Cekap Dan Berkualiti Bagi Memastikan Warga Ampang Jaya Menikmati Kehidupan Yang Selesa Dan Sejahtera.
- Memastikan Pengeluaran Lesen Adalah Telus, Cepat, Teratur, Dan Mengikut Prosedur Yang Ditetapkan.
- Menggalakan Pemilik Premis Perniagaan Menguruskan Sendiri Permohonan Kerana Syarat-Syarat Permohonan Telah Diterangkan.
- Pemilik Perniagaan Lebih Memahami Syarat Dan Peraturan Yang Telah Ditetapkan.
- Memproses Permohonan Dan Pengeluaran Lesen Perniagaan Secara Serta-Merta Atau Dalam Tempoh Yang Ditetapkan Dengan Syarat Permohonan Adalah Lengkap Diterima.
- Menjadikan Perniagaan Di Kawasan Ampang Jaya Berkembang Pesat



BAHAGIAN 1

Objektif Buku
Fungsi Jabatan Pelesenan



Fungsi-Fungsi Jabatan Pelesenan

- Memproses Permohonan Lesen Serta-Merta Dan Lesen Kurang Berisiko
- Memproses Permohonan Lesen Berisiko Tinggi
- Memproses Permohonan Permit-Permit Sementara
- Memproses Permohonan Pelbagai
- Memproses Pembaharuan Lesen Perniagaan

- Menjalankan pemantauan ke atas premis-premis perniagaan yang berlesen
- Memantau premis-premis perniagaan yang berisiko tinggi setiap bulan.
- Melaksanakan tindakan penguatkuasaan sitaan dan kompaun terhadap premis-premis tidak berlesen
- Melaksanakan operasi 'Ops Halangan' dan 'Ops Lesen Risiko'
- Mengkompaun kesalahan-kesalahan mengikut Undang-undang Kecil Majlis Pentadbiran Ampang Jaya
- Membuka kertas siasatan dan mengambil tindakan terhadap kompaun yang tidak dijelaskan.



OBJEKTIF BUKU PANDUAN

Memperjelaskan Dan Menerangkan Cara Untuk Memohon Lesen Perniagaan Dan Papan Iklan, Permohonan Lesen Berisiko, Permohonan Permit Sementara Dan Permohonan Pelbagai Secara Terperinci, Lengkap, Mudah, Dan Dapat Dikeluarkan Secara Serta-Merta Atau Mengikut Tempoh Yang Telah Ditetapkan.



Senarai Lesen Perniagaan Serta-Merta (Tanpa syarat-syarat khusus)

Bil. Jenis Perniagaan

1. Agensi Pekerjaan
2. Agensi Pelancongan
3. Aktiviti Joki Kereta
4. Bilik Pameran/Show Room
5. Borong Makarian Ringan
6. Gerai Berkunci (Gerai Makan)
7. Gerai Dalam Restoran
8. Kantin Sekolah
9. Kedai Aiskrim
10. Kedai Aksesori Kereta
11. Kedai Aksesori Wanita
12. Kedai Akuarium
13. Kedai Alat-Alat Sukan
14. Kedai Andaman Dan Pakaian Pengantin
15. Kedai Barang Hiasan
16. Kedai Barang Kemas Dan Permata
17. Kedai Barang Elektrik
18. Kedai Barang Keperluan Bayi
19. Kedai Barangan Plastik Dan Pinggan Mangkuk
20. Kedai Pakaian Terpakai/Bundle
21. Kedai Runcit/Kedai Serbaneka/Pasar Mini
22. Kedai Batu Nisan/Keranda
23. Kedai Beg
24. Kedai Binatang Peliharaan
25. Kedai Bingkai Gambar
26. Kedai Bot/Jet Ski
27. Kedai Buah-Buahan/ Sayuran
28. Kedai Buku Dan Alat Tulis
29. Kedai Bunga-Bunga
30. Kedai Butik/Pakaian Fesyen
31. Kedai Cermin Mata (Optik)
32. Kedai Daging
33. Kedai Dobi
34. Kedai Fotostat
35. Kedai Gambar
36. Kedai Gunting Rambut
37. Kedai Jahitan Pakaian
38. Kedai Jam
39. Kedai Jubin
40. Kedai Kaset, Pita Video (Penjualan/Penyewaan)
41. Kedai Kasut
42. Kedai Kelengkapan Bilik Mandi
43. Kedai Kereta/Motosikal
44. Salun Pemandan Rambut



BAHAGIAN 2

Senarai Lesen Perniagaan Serta-Merta dan Kurang Berisiko (14 Hari), Lesen Berisiko Tinggi, Jenis-jenis Permohonan Permit Sementara



45. Kedai Komputer
46. Kedai Kopi/Kafe
47. Kedai Kraftangan/Cenderamata
48. Kedai Kuih-Muih
49. Kedai Kunci
50. Kedai Mainan Kanak-Kanak
51. Kedai Makan/ Restoran
52. Kedai Membaiki Kasut
53. Kedai Membaiki Paip (Plumbing)
54. Kedai Mesin Jahit
55. Kedai Pajak Gadai
56. Kedai Perabot
57. Kedai Peralatan Keagamaan
58. Kedai Peralatan Kesihatan
59. Kedai Peralatan Makmak/Saintifik
60. Kedai Peralatan Rumah/Dapur
61. Kedai Perhiasan Lampu
62. Kedai Permaidani
63. Kedai Produk Kesihatan/ Makanan Kesihatan
64. Kedai Rotan
65. Kedai Roti Dan Kek
66. Kedai Sekolah Jahitan
67. Kedai Serbaneka
68. Kedai Tayar Dan Bateri/Caj Bateri
69. Kedai Telefon/Aksesori
70. Kerja-Kerja Sadur Elektrik
71. Kerja-Kerja Sadur Elektrik
72. Kiosk
73. Menjual Alatan Kosmetik
74. Menjual Barangan Perak
75. Menjual Barangan Mandian
76. Menjual Dan Membaiki Basikal
77. Membuat Barangan Dari Kaca
78. Membuat Iklan Papan Tanda
79. Membuat Tirai/Bidai
80. Membuat Dan Membaiki Sarung Kusyen
81. Membuat Barang Tiruan Anggota Badan
82. Membungkus Dan Menjual Makanan Ringan
83. Membungkus Tea
84. Mengukir Foto
85. Menjual Dan Menyimpan Kereta Motor
86. Menjual Dan Servis Alat Pemadam Api
87. Menjual Dan Service Komputer
88. Menjual Barangan Kulit
89. Menjual Barang Bayi
90. Menjual Barang-Barang Lansung
91. Menjual Barang-Barang Getah
92. Menjual Bunga Tiruan/Hidup
93. Menjual Cat



94. Kedai Emas
95. Menjual/Herba/Tea
96. Menjual Dan Mengedar Barang Kosmetik/ Kelengkapan Diri
97. Menjual Makanan Beku
98. Menjual Makanan Dan Minuman Ringan
99. Menjual Surat Khabar Dan Majalah
100. Menjual Pasu/Tumbuhan/Nusery
101. Menjual Perkakas Pejabat
102. Menjual Perkakas Pejabat
103. Menjual Rokok/Curut
104. Menjual Tiket
105. Menyimpan Filem-Filem Fotograf
106. Menyimpan Kaca
107. Menjual Dan Memasang Alat Ganti Kenderaan
108. Menyulam
109. Pejabat Urusan
110. Pengurusan Makanan(Katering)
111. Peralatan Muzik
112. Kurier/Perkhidmatan Penghantaran Cepat
113. Permainan Futsal
114. Pusat Rakaman Video
115. Pusat Seni Lukis
116. Institusi Pendidikan:
 - Tadika/Taska/Nusery
 - Sekolah Persendirian
 - Kolej Swasta
 - Institusi Pendidikan Lain
 - Akademi Lain
117. Pusat Tuisyen
118. Sekolah Tari-Menari
119. Sewaan Barang Rumah
120. Stesyen Minyak



Senarai Lesen Perniagaan Kurang Berisiko (14) Hari (Beserta syarat-syarat khusus)
Pelesenan Tred. Perniagaan dan Perindustrian

Bil. Jenis Perniagaan

1. Barang Terpakai/Lusuh
2. Bengkel Perabot/Pertukangan
3. Kedai Perjudian / Ramalan Nombor
4. Kelab Persendirian
5. Kenderaan Terpakai
6. Kolam Memancing
7. Ladang Ternakan
8. Mencuci / Mengilap Kenderaan (*Carwash*)
9. Perkhidmatan Valet
10. Pusat Kebajikan Bukan Persendirian
11. Pusat Kebajikan Persendirian
12. Pusat Penjagaan Persendirian @ Swasta (Kanak-Kanak/ Orang Tua)
13. Pusat Rekreasi Persendirian
14. Sekolah Persendirian / Institusi Pengajian Tinggi Swasta/Kolej Swasta/Institusi Pendidikan Lain/Akademik Lain/Pusat Tuisyen
15. Tapak Semaian Tumbuhan Dan Pasu
16. Tempat Pembiakan
17. Tukang Besi

Pusat Kecantikan dan Peniagaan Kesihatan

1. Akupunktur
2. Aromaterapi
3. Bekam
4. Dandan Rambut
5. Fisioterapi
6. Lulur
7. Mandi Herba, Susu Dan Bunga
8. Melangsingkan Badan
9. Menanggalkan Bulu Badan
10. Mencacah
11. Merias Kuku Tangan Dan Kaki
12. Pusat Meditasi
13. Rawatan Muk
14. Refleksologi
15. Sauna / Spa Dan Jakuzi
16. Solekan Dan Andaman
17. Urutan Moden Yang Menggunakan Sebarang Alat
18. Apa-apa rawatan kesihatan / kecantikan yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen



Kolam Renang

1. Kolam Renang Persendirian

Tempat Letak Kereta

1. Tempat Letak Kereta Persendirian

Pusat Sukan Persendirian

Bil. Jenis Perniagaan

1. Angkat Berat
2. Badminton
3. Berbasikal
4. Berdayung
5. Berkanu
6. Basbol
7. Bina Badan
8. Bola Baling
9. Bola Jarring
10. Bola Keranjang
11. Bola Lisut
12. Bola Sepak
13. Bola Tampar
14. Boling Padang
15. Futsal
16. Gimnastik
17. Golf Termasuk Pusat Latihan Golf
18. Gusti
19. Hoki
20. Kapal Layar
21. Kriket
22. Lawan Pedang
23. Luncur Ais
24. Memanah
25. Menembak
26. Olahraga
27. Paralimpik
28. Permainan Tradisional
29. Petanque
30. Ping-Pong
31. Ragbi
32. Seni Mempertahankan Diri
33. Sepak Takraw
34. Ski Air
35. Skuash
36. Sukan Berkuda
37. Sukan Tinju
38. Tenis
39. Lain-lain aktiviti sukan yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen



Establisymen Makanan

1. Membuat / Memproses Agar-Agar Dan Sejenis Dengannya
 2. Membuat / Memproses Air Batu
 3. Membuat / Memproses Ais Krim
 4. Membuat / Memproses Daging Termasuk Ayam Dan Itik
 5. Membuat / Memproses Gula (Termasuk Gula Melaka Dan Pemanis Tiruan)
 6. Membuat / Memproses Ikan Dan Hidupan Hasil Laut
 7. Membuat / Memproses Jeruk, Buah-Buahan Dan Sayur-Sayuran Yang Diawet

 8. Membuat / Memproses Kacang Tanah, Bijiran, Soya, Bijirin Dan Kekacang
 9. Membuat / Memproses Koko Atau Keluaran Koko
 10. Membuat / Memproses Konfeksi Gula
 11. Membuat / Memproses Konfeksi Tepung Termasuk Pasta, Kek Dan Pastry

 12. Membuat / Memproses Kopi Dan Serbuk Kopi
 13. Membuat / Memproses Kopra Dan Kelapa
 14. Membuat / Memproses Madu Dan Manisan
- Bil. Jenis Perniagaan
15. Membuat / Memproses Marjerin, Mentega, Keju Dan Hasil Tenusu
 16. Membuat / Memproses Mengetin, Membotol, Membungkus Sebarang Makanan Dan Minuman Dalam Bekas Mampat
 17. Membuat / Memproses Menggiling Dan Mengisar Bahan Makanan, Herba, Rempah Ratus
 18. Membuat / Memproses Mentega Kacang, Jem Dan Bahan Sapuan
 19. Membuat / Memproses Minuman Keras Dan Beralkohol
 20. Membuat / Memproses Minuman Ringan Termasuk Minuman Berkarbonat
 21. Membuat / Memproses Minyak Kelapa Sawit
 22. Membuat / Memproses Minyak Masak Termasuk Minyak Bijan
 23. Membuat / Memproses Padi
 24. Membuat / Memproses Perasa Makanan, Mengawet Makanan, Pati Makanan, Pewarna Dalam Makanan Dan Perencah Makanan
 25. Membuat / Memproses Roti, Biskut Dan Roti
 26. Membuat / Memproses Sagu, Ubi, Pisang, Keladi
 27. Membuat / Memproses Sos Dan Cuka
 28. Membuat / Memproses Susu Termasuk Susu Sejat, Susu Skim Dan Hasil Tenusu
 29. Membuat / Memproses Teh
 30. Membuat / Memproses Telur Dan Hasil Telur
 31. Pusat Penyembelihan



Jenis-jenis Aktiviti Perniagaan Berisiko Tinggi

Bil. Jenis Perniagaan

1. Menjual Barang Lusuh (Besi Buruk)/Pusat Kitar Semula (Barang Lusuh)
2. Urut Tradisional
3. Pusat Siber & Kafe Siber
4. Pusat-pusat Hiburan
 - a. Pusat Hiburan Awam
 - b. Pusat Hiburan Keluarga
 - c. Pusat Hiburan Istirehat

Jenis-jenis Permit Sementara

Permohonan Permit Serta-Merta

1. Jualan/Promosi (Dengan mengikuti syarat Pihak Berkuasa Melesen)
2. Kain Rentang

Permohonan Permit 14 Hari

1. Permit Hiburan
2. Tuntutan wang cagaran
3. Jamuan Makan
4. Jualan
5. Kaki Lima
6. Promosi
7. Sembahyang




BAHAGIAN 3

Carta Alir Proses Pengeluaran Lesen Perniagaan Serta-
Merta, Lesen Perniagaan Kurang Berisiko (14 Hari),
Lesen Perniagaan Berisiko Tinggi,
Proses Kelulusan Permit Sementara dan 14 Hari




Carta Alir Pengeluaran Lesen Perniagaan

Proses Permohonan Lesen Perniagaan dan Papan Iklan Serta -Merta






Proses Permohonan Lesen Perniagaan Kurang Berisiko (14 Hari)




Proses Permohonan Lesen Perniagaan Berisiko Tinggi






Carta Alir Pengeluaran Permit Sementara Proses Permohonan Permit Sementara





Proses Permohonan Permit Sementara 14 Hari





BAHAGIAN 4

Panduan permohonan

Panduan Mengisi Borang Permohonan Lesen Perniagaan dan Papan Iklan Lesen Serta-Merta, Lesen Empat Belas (14) Hari dan Permohonan Lesen Berisiko

Panduan Permohonan Permit-permit Sementara

Panduan Permohonan Pelbagai



PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DAN PAPAN IKLAN

1. Dapatkan borang komposit bagi permohonan lesen premis perniagaan dan papan iklan (Borang A) di kaunter lobi MPAJ atau laman sesawang Majlis di www.mpaj.gov.my
2. Mengisi butiran pemohon di Bahagian A dan Bahagian B. Butiran maklumat pemohon dan syarikat adalah wajib dan hendaklah dilengkapkan dengan betul dengan menggunakan huruf besar.
3. Lengkapkan butir-butir maklumat papan iklan di Bahagian C (jika berkaitan). Jenis dan ukuran papan iklan yang dimohon hendaklah tepat megikut bilangan permukaan, cara dipamerkan, jenis papan iklan (bercahaya atau tidak bercahaya) dan ukuran papan iklan *meter persegi* (panjang dan lebar).
4. Mengisi dan melengkapkan maklumat pekerja di Bahagian D bagi Premis Makanan dan Restoran atau Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan.
 - i. Pemohon perlu mengemukakan lampiran tambahan jika maklumat pekerja melebihi tiga (3) orang.
 - ii. Pemohon juga perlu mengemukakan salinan Sijil Kursus yang berkaitan dan Pemeriksaan Kesihatan bagi semua pekerja.
5. Jika pemilik premis perniagaan mempunyai gudang dan stor, pemohon hendaklah melengkapkan maklumat di Bahagian E.
6. Pemohon perlu menyediakan syarat-syarat/dokumen asas bagi permohonan lesen perniagaan dan papan iklan di Bahagian A, Borang Senarai Semak dan Syarat-syarat Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Papan Iklan. Syarat/Dokumen Asas seperti berikut :
 - i. Pendaftaran Syarikat :
 - a. M & A
 - b. Borang 24
 - c. Borang 49
 ATAU;
 Pendaftaran Perniagaan:
 - a. Borang A atau Borang B
 - b. Borang D
 ATAU;
 Pendaftaran Pertubuhan
 - a. Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan.
 - ii. Pelan lokasi
 - iii. Pelan lantai bersaiz A4 dan berukuran tepat dalam meter.
 - iv. Gambar premis luar dan dalam (berwarna).
 - v. Salinan surat perjanjian sewa atau jual beli .
 - vi. Bil cukai pintu terbaru yang telah dijelaskan.
 - vii. Salinan kad pengenalan @ 'passport'.
 - viii. Gambar pemohon satu (1) keping.



- ix. Ukuran dan visual papan iklan :
 - a. Saiz A4
 - b. Berwarna
 - c. Bahasa Melayu hendaklah 30 % lebih besar daripada nama syarikat dan bahasa lain.
 - d. Pengesahan bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
 - x. Surat sokongan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
7. Bagi pemohon bukan Warganegara Malaysia, syarat-syarat tambahan/dokumen yang perlu disediakan seperti berikut :
- i. Lesen Pegawai Dagang dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) ;
 - ii. Pas Pekerja (*Employment Pass*) daripada Jabatan Imigresen Malaysia.
8. Jika pemilik premis perniagaan memohon lain-lain aktiviti perniagaan, pemohon perlu mengemukakan syarat-syarat/dokumen tambahan bagi mendapatkan lesen perniagaan, di Bahagian C, Borang Senarai Semak dan Syarat-syarat Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Papan Iklan,(aktiviti-aktiviti perniagaan seperti berikut) :
- i. Establisymen Makanan (Premis Makanan)
 - ii. Pusat Kecantikan
 - iii. Pusat Penjagaan Kesihatan
 - iv. Stesen Minyak
 - v. Hotel
 - vi. Klinik
 - vii. Agensi Perlancongan
 - viii. Farmasi
 - ix. Pengurup Wang Berlesen
 - x. Pemberi Pinjaman Wang/Pajak Gadai
 - xi. Ejen Nombor Ramalan
 - xii. Menjual VCD/CD/Kaset dan lain-lain
 - xiii. Pengusaha Minuman Keras (Pemborong,Stor,Penjual)
 - xiv. Taska/Pusat Jagaan/Nursuri/Tadika/Pusat Tuisyen/Pusat Pengajian
 - xv. Kelas Al-Quran atau Fardhu Ain
 - xvi. Sekolah Rendah Islam
 - xvii. Menjual Kereta/Motor/Alat Ganti Kenderaan
 - xviii. Sekolah Memandu
 - xix. Pasaraya Besar
 - xx. Percetakan
 - xxi. Mesin-mesin Industri
 - xxii. Stor Beras
 - xxiii. Pusat Penyembelihan
 - xxiv. Pengusaha Getah
 - xxv. Pertanian/Ternakan/Perdagangan
 - xxvi. Kawalan Mahluk Perosak(Stor/Pengedar)/Kedai Kawalan Serangga
 - xxvii. Pengusaha/Pengstoran Bahan-bahan Merbahaya
 - xxviii. Bengkel Pemasangan NGV



9. Bagi permohonan lesen berisiko, pemohon perlu melengkapkan dan menyediakan syarat-syarat/dokumen tambahan di Bahagian D, Borang Senarai Semak dan Syarat-syarat Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Papan Iklan, (aktiviti-aktiviti lesen berisiko seperti berikut) :
- i. Menjual Barang Lusuh (Besi Buruk)/Pusat Kitar Semula
 - ii. Urut Tradisional
 - iii. Kafe Siber dan Pusat Siber
 - iv. Hiburan :
 - a. Pusat Hiburan Keluarga (PHK)
 - b. Pusat Hiburan Awam (PHA)
 - c. Pusat Hiburan Istirehat (PHI)
10. Permohonan lesen berisiko tinggi akan dibentangkan didalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, keputusan kelulusan lesen berisiko tinggi adalah tertakluk kepada ahli mesyuarat jawatankuasa dengan mengambil kira aduan orang awam faktor-faktor kesesuaian premis beroperasi.
11. Bahagian E, Borang Senarai Semak dan Syarat-syarat Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Papan Iklan. Lain-lain syarat/keperluan tambahan perlu disediakan oleh pemohon jika melibatkan :
- i. Ubahsuai Bangunan
 - ii. Tanah Lapang
 - iii. Rumah Kediaman
 - a. Tidak dibenarkan
 - b. Kecuali aktiviti Tadika/Taska – Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dari Majlis Perbandaran Ampang Jaya
 - iv. Trademark (Tanda Niaga/Tanda Dagangan)
 - v. Membekal dan Mengurus (*Out Sourcing*) Pekerja Asing
 - vi. Sekolah Agama
12. Sebelum menyerahkan borang yang lengkap, pemohon perlu memahami dan mematuhi syarat-syarat/dokumen asas atau syarat-syarat tambahan mengikut aktiviti yang dipohon. Pemohon juga hendaklah mengesahkan kesahihan maklumat dengan menandatangani dan cap syarikat pada Borang Komposit, Bahagian F.
13. Borang yang lengkap diserahkan kepada Pegawai Pelesenan yang bertugas untuk disemak dan memberi ulasan di Borang Komposit, Bahagian D.



PANDUAN PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA

1. Dapatkan borang permohonan permit sementara di kaunter lobi MPAJ atau laman sesawang Majlis di www.mpaj.gov.my
2. Melengkapkan butiran pemohon di maklumat permohonan permit sementara.
3. Jika pemohon menggunakan khemah bagi menjalankan aktiviti, jumlah penggunaan khemah beserta keluasan khemah yang digunakan perlu dinyatakan dan tarikh/tempoh penggunaan dan masa penggunaan perlu dinyatakan.
4. Pemohon juga perlu menyatakan aktiviti yang dijalankan ketika permohonan permit sementara dikemukakan. Contoh-contoh aktiviti permit sementara seperti berikut :
 - i. Jualan/Aktiviti
 - ii. Sembahyang
 - iii. Hiburan
 - iv. Pameran
 - v. Jamuan Makan atau ;
 - vi. Lain-lain (perlu dinyatakan).
5. Pemohon perlu mengenalpasti lokasi tapak permohonan permit sementara seperti Kaki Lima Premis, Tempat Letak Kereta (Nyatakan Jumlah Lot yang digunakan), Tanah Lapang, Rezab Jalan atau Lain-lain (perlu dinyatakan).
6. Pemohon perlu menyediakan syarat-syarat/dokumen asas bagi permohonan permit sementara di borang Permohonan Permit Sementara. Syarat/Dokumen Asas seperti berikut :
 - i. Salinan lesen perniagaan MPAJ yang terkini atau Pendaftaran Syarikat (MAA/Borang 24/Borang 49 atau Borang D) bagi syarikat luar kawasan MPAJ
 - ii. Salinan Kad Pengenalan
 - iii. Gambar lokasi permohonan
 - iv. Pelan lokasi permohonan/pelan tapak permohonan (tidak terpakai bagi pemasangan khemah satu(1) unit dihadapan premis)
 - v. Tiada sebarang tunggakan kompaun
7. Pemohon perlu menghantar borang permohonan permit sementara kepada Pegawai Jabatan Pelesenan untuk disemak sebelum membuat pembayaran fi pemprosesan RM 50.00 di kaunter Lobi MPAJ, Aras 4.



PANDUAN PERMOHONAN PELBAGAI 1B

1. Dapatkan borang permohonan pelbagai, Borang 1B³ di kaunter lobi MPAJ atau laman sesawang Majlis di www.mpaj.gov.my
2. Melenkapkan butiran pemohon di Borang 1B.
3. Pemohon perlu menyediakan dokumen asas bagi permohonan Borang 1B. Dokumen yang diperlukan seperti berikut :
 - a. Salinan bil lesen perniagaan.
 - b. Tunggakan kompaun yang telah dijelaskan (jika berkaitan)
4. Bagi penggunaan Borang 1B, pemohon mempunyai beberapa kategori permohonan yang disediakan, contoh permohonan pelbagai seperti berikut :
 - a. Tukar Nama Pemilik atau Syarikat.
 - Syarat/Dokumen yang diperlukan:
 - i. Salinan pendaftaran syarikat (M&A/Borang 24/Borang 49) atau pendaftaran perniagaan (Borang D) terkini yang tertera aktiviti yang dipohon.
 - ii. Salinan surat perjanjian sewa atau jual beli bangunan.
 - iii. Bil cukai pintu terbaru yang telah dijelaskan.
 - iv. Salinan kad pengenalan @ 'passport' (jika tukar milik).
 - v. Pemohon perlu melengkapkan butiran Nama Pemilik Baru, Nama Syarikat Baru, Nombor Telefon, Nombor Telefon Bimbit, E-Mel dan Alamat Surat Menyurat di ruang yang telah disediakan didalam Borang 1B.
 - b. Tambah/Tukar/Batal Aktiviti Perniagaan
 - Syarat/Dokumen yang diperlukan:
 - i. Pendaftaran syarikat (M&A/Borang 24/Borang 49) atau pendaftaran perniagaan (Borang D) terkini yang tertera aktiviti yang ditambah/ ditukar/dibatal.
 - ii. Salinan Kursus Pengendalian Makanan, suntikan Typhoid (pengusaha/pekerja) dan saiz premis (pelan lantai) (tertakluk bagi pengendalian makanan sahaja).
 - c. Tambah Lot Premis
 - Syarat/Dokumen yang diperlukan:
 - i. Salinan surat perjanjian sewa atau jual beli bangunan..
 - ii. Resit pembelian alat pemadam api bagi lot yang ditambah.
 - iii. Pelan kelulusan/permit ubahsuai bangunan (jika berkaitan).
 - iv. Bil cukai pintu terkini lot yang ditambah yang telah dijelaskan.
 - d. Batal Lot Premis
 - Syarat/Dokumen yang diperlukan:
 - i. Gambar lot premis yang dibatalkan.



e. Tambah Papan Iklan

- Syarat/Dokumen yang diperlukan:
 - i. Pemohon perlu menyediakan lakaran visual papan iklan berwarna, bersaiz A4, saiz ukuran dalam meter persegi.
 - ii. Pemohon perlu menyatakan jenis-jenis papan iklan yang dipohon seperti berikut :
 - Bercahaya atau tidak bercahaya
 - 1 muka atau 2 muka
 - Saiz ukuran dalam meter persegi : panjang X lebar = m²
 - iii. Pemohon juga perlu menyatakan cara dipamerkan sama ada 'Menegak' atau 'Melintang'
 - iv. Pemohon perlu menggunakan Bahasa Melayu 30% lebih besar daripada nama syarikat @ bahasa/perkataan lain.
 - v. Mendapat pengesahan bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
 - vi. Gambar lokasi pemasangan papan iklan yang ditambah.

f. Tukar/Batal Papan Iklan

- Syarat/Dokumen yang diperlukan:
 - i. Pemohon perlu menyediakan lakaran visual papan iklan berwarna, bersaiz A4, saiz ukuran dalam meter persegi.
 - ii. Pemohon perlu menyatakan jenis-jenis papan iklan yang dipohon seperti berikut :
 - Bercahaya atau tidak bercahaya
 - 1 muka atau 2 muka
 - Saiz ukuran dalam meter persegi : panjang X lebar = m²
 - iii. Pemohon juga perlu menyatakan cara dipamerkan sama ada 'Menegak' atau 'Melintang'
 - iv. Pemohon perlu menggunakan Bahasa Melayu 30% lebih besar daripada nama syarikat @ bahasa/perkataan lain.
 - v. Mendapat pengesahan bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (kecuali permohonan batal papan iklan).
 - vi. Gambar lokasi pemasangan papan iklan yang ditukar atau gambar permohonan batal papan iklan yang telah dibuka.

g. Batal Lesen Perniagaan

- Syarat/Dokumen yang diperlukan:
 - i. Bil lesen asal terkini sahaja.

5. Pemohon perlu menandatangani perakuan pemohon diruang yang telah disediakan didalam Borang 1B.
6. Pemohon perlu menghantar borang permohonan permit sementara kepada Pegawai Jabatan Pelesenan untuk disemak sebelum membuat pembayaran fi pemprosesan RM 50.00 di kaunter Lobi MPAJ, Aras 4.



BAHAGIAN 5

Lampiran

Lampiran A - Borang Permohonan Lesen Perniagaan dan Papan Iklan Lesen Serta-Merta, Lesen Empat Belas (14) Hari dan Permohonan Lesen Berisiko (Borang A)

Lampiran B - Borang Permohonan Permit-permit Sementara

Lampiran C - Borang Permohonan Pelbagai (Borang 1B)

Lampiran D – Contoh permohonan borang A (Lengkap dengan syarat-syarat asas)

FAQ



JABATAN PELESENAN
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

FAQ PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DAN PAPAN IKLAN

Apa yang perlu dilakukan jika saya ingin memohon lesen perniagaan dan papan iklan di kawasan MPAJ ?

Anda perlu mengenal pasti jenis perniagaan yang ingin dipohon dengan perlu mengisi **Borang A, Borang Komposit bagi permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Papan Iklan**, borang boleh didapatkan di Menara MPAJ atau laman sesawang www.mpaj@gov.my

Pemohon perlu mengenal pasti jenis perniagaan yang dipohon. Ini kerana terdapat dokumen tambahan perlu disediakan bagi permohonan lesen perniagaan mengikut aktiviti.

Apakah syarat-syarat dan dokumen yang perlu disediakan untuk permohonan lesen perniagaan dan papan iklan ?

1. PENDAFTARAN SYARIKAT :

- i. M & A
- ii. Borang 24
- iii. Borang 49 ATAU;

PENDAFTARAN PERNIAGAAN:

- i. Borang A atau Borang B
- ii. Borang D ATAU;

PENDAFTARAN PERTUBUHAN

Salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan.

- 2. Pelan lokasi.
- 3. Pelan lantai bersaiz A4 dan berukuran tepat dalam meter.
- 4. Gambar premis luar dan dalam (berwarna).
- 5. Salinan surat perjanjian sewa atau jual beli.
- 6. Bil. cukai pintu terbaru yang telah dijelaskan.
- 7. Salinan kad pengenalan @ 'passport'.
- 8. Gambar pemohon satu (1) keping.
- 9. Ukuran dan visual papan iklan:
 - i. Saiz A4
 - ii. Berwarna
 - iii. Bahasa Melayu hendaklah 30 % lebih besar daripada nama syarikat dan bahasa lain. Pengesahan bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- 10. Surat sokongan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Bagi pemohon bukan warganegara Malaysia perlu menyediakan Pas Pekerja (*Employment Pass*) daripada Jabatan Imegresen



Berapakah kadar fi yang perlu dibayar bagi setiap untuk permohonan lesen perniagaan dan papan iklan ?

Kadar fi yang dikenakan pada setiap perniagaan adalah berbeza mengikut jenis perniagaan dan keluasan premis. Kadar fi papan iklan juga berbeza mengikut ukuran yang dipohon dan jenis papan iklan bercahaya atau tidak bercahaya.

Bagaimana saya ingin membuat pembaharuan lesen perniagaan dan bilakah saya boleh membuat pembaharuan ?

Pemegang-pemegang lesen perniagaan hanya perlu membawa lesen perniagaan semasa bagi membuat pembaharuan lesen perniagaan. Pemegang lesen boleh membuat pembaharuan lesen bermula 1 Oktober sehingga 31 Disember tahun semasa di Kaunter Lobi Menara MPAJ dan kaunter-kaunter luar yang disediakan mengikut jadual yang ditetapkan oleh Majlis

Bagi pemegang lesen jenis perniagaan seperti, Barang Lusuh, Urut Tradisional, Pusat Hiburan Keluarga, Pusat Hiburan Awam, Pusat Hiburan Istirehat, Kafe Siber dan Pusat Siber, Minuman Keras, Pusat Penjagaan Kesihatan dan Refleksologi perlu membuat permohonan semula seperti yang telah disyaratkan.

Jika saya ingin menjalankan perniagaan diatas tanah persendirian atau tanah kerajaan atau di rumah adakah dibenarkan oleh pihak MPAJ ?

Pihak MPAJ tidak membenarkan mana-mana individu atau syarikat menjalankan sebarang perniagaan di atas Tanah Kerajaan, Rumah Kediaman atau Tanah Persendirian berstatus kediaman. Kecuali Tadika @ Taska dengan Kelulusan Kebenaran Merancang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang dikeluarkan oleh pihak Majlis.

Berapa lamakah tempoh kelulusan lesen perniagaan diterima ?

Tempoh kelulusan lesen perniagaan terbahagi kepada dua (2) iaitu secara Serta-Merta dan Lesen 14 hari. Berikut dilampirkan permohonan jenis lesen serta-merta. Selain daripada jenis-jenis lesen perniagaan dinyatakan adalah lesen 14 hari.

Rujuk Jenis-Jenis Lesen Perniagaan Serta-Merta

Saya mempunyai lesen perniagaan, tetapi saya ingin menukar nama pemilik dan nama syarikat, bagaimana saya ingin lakukan dan dokumen apa yang perlu disediakan ?

Jabatan Pelesenan menyediakan **Borang 1B** bagi pemohon yang ingin membuat pindaan Nama Pemilik/Syarikat, Tambah/Tukar Aktiviti Perniagaan, Tambah Lot Premis, Batal Lot Premis, Tambah Papan Iklan dan Tukar/Batal Papan Iklan.

Setiap permohonan perlu disertakan dokumen yang perlu disediakan bagi memproses permohonan. **Borang 1B** di boleh didapatkan di Menara MPAJ atau laman sesawang www.mpaj.gov.my



JABATAN PELESENAN
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Saya ingin memohon Permit Jualan dan Promosi / Permit Sembahyang / Permit Jamuan Makan / Permit Hiburan . Adakah dibenarkan MPAJ dan apakah syarat-syarat dokumen yang perlu disediakan dan berapa kadar fi yang akan dikenakan ?

Pemohon boleh memohon Permit Sementara dengan melengkapkan **Borang Permohonan Permit Sementara** bagi tujuan aktiviti **Jualan/Promosi, Sembahyang, Hiburan, Pameran, Jamuan Makan dan lain-lain (Kenyataan Aktiviti)**.

Syarat-syarat dokumen perlu disertakan:

1. Salinan Lesen MPAJ yang terkini atau Pendaftaran Syarikat (MAA/Borang 20/ Borang 49 atau Borang D) Bagi syarikat di luar pentadbiran MPAJ
2. Salinan Kad Pengenalan
3. Gambar Lokasi Permohonan
4. Pelan Lokasi Permohonan/Pelan Tapak Permohonan (Tidak terpakai bagi pemasangan khemah satu(1) unit di hadapan premis)
5. Tiada sebarang tunggakan kompaun.

Kadar fi yang dikenakan ke atas Permit Sementara mengikut aktiviti yang dijaikan :

- | | | |
|---------------------------------|---|---|
| 1. Permit Jualan | = | RM 100.00 x jumlah bulan (maximum 3 bulan) |
| 2. Permit Kaki Lima | = | RM 200.00 x jumlah bulan (maximum 3 bulan) |
| 3. Permit Jamuan | = | RM 10.00 (sekali bayaran) |
| 4. Permit Khemah depan premis | = | RM 50.00 x jumlah khemah x jumlah bulan (maximum 3 bulan) |
| 5. Permit khemah di Rezab Jalan | = | RM 10.00 x jumlah hari x (saiz tapak kaki persegi / 128 kaki persegi) |
| 6. Permit Tempat Letak Kereta | = | RM 10.00 x jumlah petak x jumlah hari (maximum 90 hari) |
| 7. Permit Sembahyang | = | RM 40.00 x jumlah khemah x jumlah hari |
| 8. Permit Hiburan | = | RM 50.00 x jumlah hari (maximum 90 hari) |
| 9. Permit Tempat Hiburan | = | RM 10.00 x jumlah hari (maximum 90 hari) |
| 10. Cagaran Kebersihan | = | RM 500.00 - RM 1,000.00 |
| 11. Cagaran Kecacatan Harta | = | RM 500.00 - RM 1,000.00 |

Pemohon boleh mendapatkan Borang Permohonan Permit Sementara di Menara MPAJ atau laman sesawang www.mpai.gov.my. Permohonan Permit Sementara adalah tertakluk kepada Pegawai Pelesen bagi meluluskan Permohonan tersebut dengan mengambil kira ulasan Jabatan Teknikal Majlis dan kawasan persekitaran.

